

- (v) Amaun kerugian langsung dan / atau kerosakan kepada Kerajaan akibat dari penamatan.
- (c) Pengiraan Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras Meliputi Jumlah Seperti Dibawah:
- Berikut adalah bayaran yang akan dibuat kepada kontraktor seandainya pengambilan kerja kontraktor tidak ditamatkan. Bagi menentukan Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal, perkara-perkara berikut hendaklah diambil kira¹⁹:
- (i) Semua Arahan Perubahan Kerja (APK) yang dikeluarkan kepada Kontraktor sebelum pengambilan kerjanya ditamatkan, tidak kira samada APK berkenaan telah dilaksanakan atau tidak.
 - (ii) Jumlah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang dikenakan ke atas kontraktor berdasarkan tempoh dan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Jumlah ini hendaklah dipotong dalam pengiraan.
 - (iii) Bayaran-Bayaran lain yang dibenarkan di dalam kontrak yang mengakibatkan pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal seandainya pengambilan kerja Kontraktor tidak ditamatkan.
- (d) Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan hendaklah menunjukkan perbezaan di antara Harga Kontrak Asal Terlaras dan Kos Penyiapan. Sekiranya Harga Kontrak Asal Terlaras kurang dari Kos Penyiapan, perbezaan tersebut hendaklah menjadi hutang yang harus dibayar oleh Kontraktor kepada Kerajaan, dan jika sebaliknya, hutang tersebut harus dibayar oleh Kerajaan kepada Kontraktor.
- (e) Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan hendaklah mengikat dan muktamad ke atas Kontraktor sebagai amaun kerugian dan gantirugi.
- (f) Sekiranya penyiapan kerja dibuat secara Jabatan, amaun untuk diperakukan sebagai kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan hendaklah

¹⁹ Surat Arahan KPKR :(26)d/m.JKR.KPKR.020.050/03kt.7 bth. 4/10/06